

KEPENTINGAN AKAD DALAM URUS NIAGA

SEJAK dahulu, penggunaan akad atau kontrak urus niaga sudah menjadi amalan harian bagi sesebuah masyarakat. Mereka memahami bahawa kontrak amat penting bagi melaksanakan sesebuah urus niaga berkaitan pertukaran pemilikan barangan atau manfaat sama ada yang melibatkan sebuah pihak ataupun pelbagai pihak.

Menurut perspektif syariah, sesebuah kontrak yang ingin dijalankan mesti mematuhi segala lunas dan atur cara yang disyaratkan oleh syarak. Setelah sesebuah kontrak yang bersifat 'mulzim' (tidak boleh ditarik semula) telah dimeterai, pihak yang terlibat wajib memenuhi tuntutan akad tersebut sepertimana firman Allah dalam surah al-Maidah ayat 1:

“Wahai orang beriman, hendaklah kamu melunaskan atau menepati akad-akad (kontrak yang telah kamu meterainya).”

Secara umumnya, sesebuah kontrak itu merujuk kepada iltizam seseorang atau pihak pada dirinya seperti yang ditakrifkan oleh Imam Al-Jassas. Begitupun, menurut Imam Ibn Qudamah, akad terhasil daripada ijab dan kabul antara dua pihak pada perkara yang dibenarkan syarak.

Sebagai contoh, akad jual beli (Baiy') antara pembeli daripada seorang penjual dan kontrak sewaan (Ijarah).

Kontrak atau akad wujud di dalam muamalat Islam dan konvensional tetapi yang membezakan antara kedua-duanya ialah prinsip, struktur dan tatakelola perlaksanaannya.

Antara prinsip-prinsip yang patuh syariah dan popular diamalkan ialah seperti kontrak Murabahah, Mudharabah, Musyarakah dan Ijarah. Di samping itu, Islam juga mengharamkan beberapa bentuk transaksi seperti melibatkan riba, penjualan benda haram dan Maysir (perjudian).

Demi memastikan sesebuah kontrak itu sah, ia mesti memenuhi seluruh syarat yang terdapat pada tiga rukun bagi sesuatu kontrak iaitu dua pihak yang berkontrak (Aqidain), barang yang ditransaksi (Ma'aqud Alaih) dan lafaz atau bukti tawaran serta penerimaan (Sighah).

Bagi setiap tiga rukun tersebut, mestilah dipenuhi segala syaratnya agar sesebuah kontrak itu sah dan diiktiraf oleh syarak. Pihak yang berkontrak mesti cukup umurnya bukan kanak-kanak, sempurna sifatnya bukan gila dan dilakukan menurut keredaan daripada kedua-dua pihak.

Barang yang ditransaksi (Ma'aqud Alaih) pula mestilah sah dan dibenarkan oleh syarak dan undang-undang, wujud dan dimiliki oleh penjual serta mempunyai nilai dan mampu diserahkan kepada pembeli.

Lafaz tawaran dan penerimaan (Sighah) pula mestilah dapat difahami, dipersetujui bersama dan dijalankan dalam satu majlis.

Islam amat menitikberatkan agar sesebuah akad itu dipelihara dan diadakan sebaik mungkin supaya prinsip keadilan dapat dipelihara dan mengelakkan sebarang bentuk penindasan daripada berlaku.

Contohnya, dalam kontrak penyewaan sekiranya segala kos dan kewajipan yang perlu ditanggung oleh penyewa dijelaskan, ini dapat mengelakkan penyewa daripada dianiaya untuk menanggung kos-kos yang tidak dipersetujui seperti kos menaik taraf rumah dan sebagainya.

Sesebuah akad juga dapat memastikan sesebuah transaksi itu dilaksanakan dengan penuh telus dan bertanggungjawab. Seandainya berlaku sebarang penipuan ataupun kecacatan, akad akan menjadi bukti bagi pelanggan untuk menuntut hak mereka. Dengan ini sesebuah akad akan meredakan kerisauan kepada kedua-dua belah pihak daripada ketidaktentuan dalam urusan niaga.

Artikel

Penuh: http://www.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2015&dt=0416&pub=Kosmo&sec=Varia&pg=va_01.htm#ixzz3ZK2V6wjV

Hakcipta terpelihara